

14/05/2000

Majlis Perundingan Belia dihidupkan semula

KUALA LUMPUR: Kementerian Belia dan Sukan akan memberi nafas baru serta menghidupkan semula Majlis Perundingan Belia Negara bagi memperkukuhkan pergerakan belia di negara ini.

Menterinya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata majlis yang mewakili aspirasi dan hasrat belia itu juga akan dinaik taraf ke status seiring dengan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen).

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbahasan pada hari penutup Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Selain itu, beliau berkata menyedari dasar berkaitan belia dan pelaksanaannya melalui program sedia ada, maka kementeriannya berasa perlu ada satu tindakan bersepadu antara kementerian, agensi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Oleh itu, kita akan menubuhkan Jawatankuasa Kabinet mengenai Hal Ehwat Belia yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memantapkan dasar belia negara," katanya.

Beliau yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno turut berjanji untuk melaksanakan lapan gagasan yang diputuskan Pergerakan Pemuda serta akan dijadikan program nasional untuk menghadapi perubahan di alaf baru.

Hishammuddin berkata, pihaknya juga akan mengembalikan peranan Pemuda sebagai penyampai nurani rakyat, selain menyediakan pemimpin pelapis kepada Umno dan menanam nilai murni di kalangan mereka.

Beliau juga berjanji untuk memastikan kelab belia akan kembali aktif di peringkat kampung, mukim dan daerah.

Sehubungan itu, beliau menyeru perwakilan dan ahli Umno supaya bersama-sama membantu memperkasakan belia di bahagian masing-masing dan tidak hanya menuduh belia kini lesu.

(END)